

JKR serah Kampus Tembila kepada UniSZA

UTUSAN MALAYSIA
4/6/2014

BESUT 3 Jun - Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) memasuki fasa baharu dalam proses perkembangannya dengan penyerahan kompleks Kampus Tembila di sini oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada institusi itu semalam.

Kampus Tembila di Taman Ilmu Terengganu yang mula beroperasi pada 8 September 2013 itu menempatkan Fakulti Pertanian dan Bioteknologi, Teknologi Makanan, Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi Fakulti Informatik.

Penyerahan dibuat oleh JKR yang diwakili oleh Pengurus Pembinaan Kampus UniSZA, Ir.Wan Abdul Rahman Wan Hassan kepada Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr.

Yahaya Ibrahim dan turut disaksikan Arkitek Kanan JKR Cawangan Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Hanafi Hamdan.

UniSZA Kampus Tembila peringkat ketiga dengan 21 blok bangunan itu yang pembinaannya bermula pada Ogos 2009 membabitkan kos sebanyak RM225.13 juta.

Sementara itu, Yahaya memberitahu, apabila siap sepenuhnya, semua pelajar jurusan diploma di Kampus Gong Badak akan dipindah ke Kampus Tembila yang mempunyai kemudahan asrama untuk 3,000 pelajar.

"Rancangan yang sedang dijalankan ini menunjukkan bahawa UniSZA sedang berkembang maju

seiring dengan universiti lain di negara ini", katanya ketika berucap pada majlis Penyerahan Projek Bangunan UniSZA Kampus Tembila peringkat 3 di sini.

Beliau berkata, seiring dengan langkah perkembangan, UniSZA dijangka menampung sebanyak 15,000 pelajar diploma dan ijazah secara keseluruhannya menjelang 2020.

Katanya, beberapa lagi bidang baharu sedang dikenal pasti untuk dimulakan di UniSZA tidak lama lagi termasuk bidang telekomunikasi, robotik, reka bentuk yang turut memperkenalkan bidang perfileman dan reka fesyen mengikut kehendak pasaran semasa.

UMK tubuh kelab komuniti pelajar antarabangsa

KOTA BHARU 3 Jun - Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) akan menubuhkan Kelab Komuniti untuk kakitangan dan pelajar antarabangsa yang menyambung pengajian di negara ini terutamanya membabitkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di kawasan wilayah pantai timur dalam masa terdekat.

Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa UMK, Prof. Dr. Balakrishnan Parasuraman berkata, kelab itu akan menjadi platform untuk meningkatkan hubungan dalam kalangan mereka melanjutkan pelajaran di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

"Ini adalah hasil daripada maklum balas yang telah dijalankan dan menunjukkan bahawa ramai pelajar antarabangsa memberi respons positif terhadap program pengajian dan pembelajaran yang diketengahkan di universiti negara ini.

"Selain UMK, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Ma-

laysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) juga akan menubuhkan Kelab Komuniti ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam program Minggu Antarabangsa (I-Week) 2014 di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Naib Canselor UMK, Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Roselina Ahmad Saupi dan Pendaftar UMK, Prof. Dr. Razli Che Razak.

Mengulas mengenai program itu, Balakrishnan memberitahu, program diadakan buat pertama kali tersebut untuk meraikan staf pengurusan universiti dan pelajar antarabangsa UMK antaranya dari Iraq, Nigeria, Bangladesh, Uzbekistan, Myanmar, Kemboja, Pakistan, Indonesia dan India.

"Melalui program *I-Week* ini pelajar antarabangsa UMK yang kini berjumlah 67 orang dapat

menjalinkan hubungan baik melalui aktiviti sosial, bersukan dan aktiviti keusahawanan.

"Bagi program akan datang, lebih ramai pelajar antarabangsa akan menyertai program ini seperti pelajar daripada Afrika Selatan, China dan Brunei," katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu diisi dengan pelbagai aktiviti menarik seperti sukan, lawatan ke pusat industri kecil dan sederhana (IKS) dan pusat pelancongan.

Sementara itu, seorang pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, **Olalere Folasayo Enoch**, 21, dari Indonesia berkata, program *I-Week* banyak memberi manfaat dalam mewujudkan semangat kekitaan antara pelajar antarabangsa UMK.

"Selain dapat berkongsi pengalaman, program ini secara tidak langsung merealisasikan hasrat UMK untuk pembangunan modal insan yang memiliki ciri-ciri keusahawanan," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
4/6/2014